

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesedaran dua kumpulan guru pelatih iaitu guru pelatih opsyen Sains / Pengajian Melayu dengan opsyen Matematik / Kajian Tempatan terhadap Kurikulum Pendidikan Alam Sekitar (PAS). Aspek kesedaran yang dikaji adalah isu alam sekitar pada masa kini dan pada masa akan datang, PAS dan kandungan kurikulum PAS yang meliputi pengenalan Ekologi Asas, Isu Dan Masalah Alam Sekitar, Pembangunan Mampan, PAS Merentas Kurikulum dan Warga Alam Sekitar. Kajian ini adalah merupakan kajian tinjau siasat. Pengumpulan data dibuat melalui soal selidik yang menggunakan skala Likert Empat Poin. Jawapan soalan terbuka dalam soal selidik dan dapatan data temubual digunakan untuk menyokong dapatan data daripada soal selidik. Seramai 52 orang responden yang memberi respon kepada soal selidik. Temu bual telah dijalankan ke atas lima orang responden iaitu guru pelatih Semester Lima. Data daripada soal selidik di analisis menggunakan program SPSS. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik inferensi menggunakan ujian -t bagi mengkaji kesedaran guru pelatih terhadap PAS. Kajian ini mendapati isu alam sekitar pada masa kini dan pada masa akan datang serta PAS adalah pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun bagi kandungan kurikulum PAS yang meliputi aspek Pengenalan Ekologi Asas, Isu Dan Masalah Alam Sekitar, Pembangunan Mampan dan PAS Merentas Kurikulum adalah pada tahap tinggi, manakala bagi Warga Alam Sekitar adalah pada tahap sederhana dan tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih lelaki dengan guru pelatih perempuan. Begitu juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih opsyen Sains / Pengajian Melayu dengan guru pelatih opsyen Matematik / Kajian Tempatan bagi kesemua faktor kesedaran yang dikaji.

### ABSTRACT

The aim of this research is to probe the awareness among trainee teachers towards the Environment Education (EE) curriculum. The trainees involved are from the Science, Mathematics, Local Studies and the Malay Studies options. The awareness aspects focus on the present and the future environmental issues, the EE and the contents of the EE curriculum. The EE curriculum includes the Introduction to Basic Ecology, Environmental Issues and Problems, Sustainable Development, EE across the curriculum and the Environmental Community. This is an investigative research. The data is collected through questionnaires using the Likert Scale. The open-ended answers from the respondents and the responses from the interview support the data from the questionnaires. Fifty two trainee teachers responded to the questionnaires. Five respondents were interviewed. The data was analysed using the SPSS program. The two types of statistics used are the descriptive statistic and the inference statistic. Inference statistic uses T-test to measure the awareness among the trainees towards Environmental Education. The research findings show that the awareness towards the present and the future environmental issues as well as towards the Environmental Education is only average. The awareness towards the contents of the Environmental Education is high. The contents of the Environmental Education consist of The Introduction to Basic Ecology, Environmental Issues and Problems, Sustainable Development and Environmental Education across the curriculum. The awareness towards the Environmental Community ranges from average to a high level. The research findings also show that there is no significant difference between male and female trainee teachers. There is also no significant difference between the Science option and the Malay Studies trainee teachers. There is also no significant difference between the Science option and the Malay Studies trainee teachers and the Mathematics option and the Local Studies pertaining to the awareness factors studied.